

MAHATHIR - BELANJAWAN

1983

KUALA LUMPUR, 22 OKT (BERNAMA) -- LANGKAH MENGENAKAN BAYARAN \$100 BAGI SETIAP KENDERAAN BARANG YANG KELUAR DARI NEGARA INI MULAI TAHUN DEPAN BERTUJUAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN SEPENUHNYA KEMAMPUAN PELABUHAN TEMPATAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

NEGARA KERUGIAN HASIL DENGAN BANYAKNYA KERANA BARANG-BARANG NEGARA INI DIEKSPORT MELALUI PELABUHAN ASING, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

PENGUMUMAN MENGENAI BAYARAN ITU, YANG AKAN DIKENAKAN SETIAP KALI KENDERAAN TEMPATAN DAN ASING MENINGGALKAN NEGARA INI, DIUMUMKAN OLEH MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH KETIKA MEMBENTANGKAN BELANJAWAN NEGARA BERJUMLAH \$27,692 JUTA DI DEWAN RAKYAT SEMALAM.

PERDANA MENTERI MENGALU-ALUKAN SAMBUTAN POSITIF RAKYAT TERHADAP BELANJAWAN ITU.

BELIAU MENSIFATKAN BELANJAWAN ITU SEBAGAI +SANGAT BAIK JIKA DIBANDINGKAN DENGAN LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN, KHUSUSNYA DALAM KEADAAN EKONOMI DUNIA SEKARANG.+

EKONOMI NEGARA, KATANYA, MENCAPAI PERTUMBUHAN YANG MENGGALAKKAN TAHUN INI, IAITU PADA KADAR 5.6 PERATUS MESKIPUN KETIKA BELANJAWAN DIBENTANGKAN AKHIR TAHUN LALU, KADAR PERTUMBUHAN DIRAMALKAN 4.2 PERATUS SAHAJA. -- LAGI 1640/MB

ZCZC 8584

MAHATHIR - BELANJAWAN 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA BEBERAPA BUAH NEGARA MEMBANGUN TERPAKSA MENURUNKAN NILAI MATAWANG MASING-MASING UNTUK MENGHADAPI TEKANAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA, NILAI RINGGIT SEMAKIN KUKUH BERBANDING DENGAN DOLAR AMERIKA, TAMBAH PERDANA MENTERI.

KATANYA AKIBAT PENGURUSAN SECARA KONSERVATIF KEADAAN EKONOMI NEGARA TETAP KUKUH DAN TIDAK BENGGKRAP SEPERTI BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA.

PEMBERHENTIAN TENAGA KERJA YANG BERLAKU DI NEGARA INI BUKAN KERANA KEMELESETAN TETAPI IALAH DISEBABKAN PENYUSUNAN SEMULA SYARIKAT, KATANYA.

DITANYA TENTANG KURANGNYA INSENTIF BAGI MEMESATKAN KONSEP PENGSWASTAAN PERKHIDMATAN KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA TERLALU BANYAK INSENTIF AKAN MERUGIKAN KERAJAAN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA INSENTIF TERBESAR BAGI PENINGKATAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN IALAH KESTABILAN POLITIK DAN DASAR YANG KONSISTEN. -- LAGI 1645/MB

NNNN

ZCZC 8585

MAHATHIR - BELANJAWAN 3 KUALA LUMPUR

DASAR YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA ITU DAPAT MEMBERIKAN GAMBARAN TENTANG PEMBANGUNAN INDUSTRI DI MASA DEPAN.

MALAYSIA MEMPUNYAI REKOD YANG BAIK DALAM MENGEKALKAN KESINAMBUNGAN DASARNYA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI JUGA MEMBINCANGKAN ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

KATANYA MEMANDANGKAN BAHAWA YANG DI-PERTUAN AGONG MASIH GERING, PERKENANAN DIRAJA BAGI RANG UNDANG-UNDANG BERKENAAN BELUM DIPEROLEHI.

SOAL BNE, PINDAAN PERLEMBAGAAN DAN PERGOLAKAN POLITIK DALAM NEGERI ADALAH ANTARA ISU YANG DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT HARI INI.

MESYUARAT HARI INI BERSETUJU MENERIMA SEMULA HAJAH SAFIAH TALIB -- BEKAS ANGGOTA UMNO BAHAGIAN KUALA PILAH NEGERI SEMBILAN.

MAJLIS TERTINGGI JUGA MELULUSKAN PENUBUHAN KELAB UMNO DI CARBONDALE (AMERIKA SYARIKAT), PARIS, WASHINGTON DAN SUMATERA.

KELAB UMNO WASHINGTON DIRASMIKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM KETIKA MELAWAT AMERIKA SYARIKAT BARU-BARU INI. -- BERNAMA 1650/MB